

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta PERDANA MENTERI menyatakan pencapaian Talent Corporation setakat ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fokus Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) sejak ditubuhkan pada Januari 2011, bertumpu kepada tiga pecahan bakat utama iaitu:

- i. **Pertamanya**, tenaga mahir dalam negara (*Malaysians in Malaysia*);
- ii. **Keduanya**, tenaga mahir professional Malaysia di luar negara (*Malaysian Professionals Abroad*); dan
- iii. **Ketiganya**, tenaga asing berkemahiran tinggi (*Foreign Talent*).

2. Pencapaian utama inisiatif yang telah dilaksanakan oleh TalentCorp dari tahun 2011 hingga 31 Mei 2014 adalah:

Inisiatif	2011	2012	2013	Sehingga 31 Mei 2014
Tenaga Mahir Dalam Negara				
Program Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan (GEMS)	97	1,309	6,034	191
Program Latihan Industri Berstruktur (SIP)	Pengumuman Pelaksanaan	12,287 tempat	10,824 penempatan	758
Tenaga Mahir Profesional Malaysia Di luar Negara				
Inisiatif <i>Scholarship Talent Attraction & Retention</i> (STAR)	200	169	424	283
<i>Returning Expert Programme</i> (REP)	680	923	900	355
Tenaga Asing Berkemahiran Tinggi				
<i>Residence Pass Talent</i> (RP-T)	500	848	859	367

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada tiga pecahan bakat utama tersebut, TalentCorp juga mengendalikan program/inisiatif seperti berikut:
- i. ***Sector Focused Career Fairs (SFCF)*** – TalentCorp dengan kerjasama universiti tempatan dan syarikat sektor swasta melalui kempen kesedaran yang dijalankan bagi mendidik dan mendedahkan siswazah berhubung peluang pekerjaan dalam negara. Sepanjang tahun 2013, lima SFCF telah diadakan di Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Taylor’s University, Universiti Sains Malaysia (USM) serta Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan jumlah kehadiran yang amat menggalakkan;
 - ii. **Program temuseru** – berfokus kepada pelajar dan tenaga mahir Malaysia di luar negara sebagai memperkasa usaha pencarian bakat professional dan pendedahan peluang pekerjaan tersedia dalam negara mengikut keperluan sektor utama ekonomi negara seperti Perkhidmatan Kewangan, Perkhidmatan Perniagaan, Minyak dan Gas, Infrastruktur dan Komunikasi, Perkhidmatan Kesihatan;
 - iii. ***Flexible Working Arrangements (FWA)*** – kerangka kerja bagi memudahcara tenaga kerja wanita untuk kembali menyumbang tenaga dalam pasaran pekerjaan. Kerangka ini juga termasuklah untuk memudahcara kaum ibu dalam mengimbangi tanggungjawab kerjaya dan rumah tangga; dan
 - iv. **Penjenamaan semula *Expatriate Services Division (ESD)*** – kolaborasi bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui Jawatankuasa Kerja Bersama Ekspatriat ini bertindak menyelaraskan polisi dan

pelaksanaan bagi mengekalkan tenaga kerja mahir asing. ESD merupakan kemudahan perkhidmatan bersepadu untuk ekspatriat secara *one-stop centre*. Antara penambahbaikan dalam memudahcara urusan ekspatriat ialah perubahan konsep perkhidmatan dari *product-centric* kepada *customer-centric* serta pengenalan permohonan secara atas talian.

Sekian. Terima kasih.